

Russia campur tangan siasatan, jejak saksi

Perkhidmatan keselamatan Moscow ganggu usaha buktikan kebenaran:
Peguam pendakwa

Badhoevedorp: Pihak pendakwaan Belanda menuduh Russia campur tangan dalam siasatan jenayah kejatuhan pesawat MH17, termasuk percubaan menggodam siasatan penyiasat dan menjelak saksi.

Peguam pendakwa, Thijs Berger, pada hari kedua perbicaraan empat suspek kes menembak jatuh pesawat Malaysia Airlines pada 2014 di timur Ukraine, berkata perbuatan Russia itu menyebabkan beberapa saksi bimbangkan nyawa mereka.

"Terdapat tanda jelas bahawa perkhidmatan keselamatan Russia giat mencuba mengganggu usaha untuk membuktikan kebenaran di sebalik penembakan jatuh pesawat MH17," katanya kepada hakim.

Menurut beliau lagi pada sesi pendengaran kes di mahkamah dengan kawalan ketat itu, Russia menyasarkan penyiasat di bebe-



Peguam pendakwa dari kiri, Berger, Ward Ferdinandusse dan Dedy Woei-a-Tsoi pada perbicaraan perbicaraan empat suspek kes menembak jatuh pesawat Malaysia Airlines pada 2014 di timur Ukraine di Badhoevedorp, Belanda, semalam.

(Foto REUTERS)

rapa negara terjejas akibat tragedi yang mengorbankan 298 nyawa itu.

"Pihak berkuasa Britain dan Belanda memutuskan bahawa ejen GRU Russia terbabit dalam cubaan untuk menggodam sistem pihak berkuasa penyiasat Malaysia," kata Berger, merujuk kepada agensi perisik tentera Russia.

Tambah beliau, terdapat juga percubaan untuk menceroboh lembaga keselamatan Belanda yang menyiasat tragedi MH17 itu.

"Jika dilihat secara keseluruhan, maklumat ini memberikan

bayangan yang gelap terhadap prosiding ini," katanya.

Berger juga bimbang Russia sedang cuba mengesan saksi yang berpotensi dalam perbicaraan, dengan beberapa orang daripada mereka akan memberikan kenyataan tanpa nama.

"Penggunaan perkhidmatan keselamatan Russia untuk mengetahui identiti saksi dalam siasatan ini adalah satu senario yang sangat nyata. Agensi ini mempunyai kemampuan untuk memintas komunikasi dan memantau gerak perjalanan rakyat.

"Beberapa saksi dalam siasa-

tan ini mengatakan mereka bimbangkan nyawa mereka jika identiti mereka diketahui kelak," katanya.

Perbicaraan berkenaan bermula tanpa kehadiran empat suspek iaitu warga Russia, Igor Girkin; Sergei Dubinsky dan Oleg Pustatov serta warga Ukraine, Leonid Kharchenko.

Penyiasat antarabangsa menyatakan bahawa pesawat Boeing 777 itu ditembak peluru berpandu BUK buatan Russia, yang dilepaskan dari wilayah yang dikuasai pemberontak pro-Russia bertempur dengan Ukraine.

AFP